



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	6/7/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	JPNP			

'Jangan layan provokasi, tekanan penceroboh'

**KUANTAN** - Kerajaan Pahang dan agensi berkaitan tidak perlu melayan provokasi dan tekanan daripada individu yang telah melakukan pencerobohan dan penerokaan tanah secara haram.

Presiden Pertubuhan Suara Anak Pahang (PSAP), Haslihelmy DM Zulhasli berkata, pihak berkuasa perlu meneruskan operasi pemutihan terhadap Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam, Raub.

Menurutnya, tindakan itu membuktikan ketegasan pihak berkuasa mengekang aktiviti penerokaan dan pencerobohan tanah haram di Pahang.

"Lebih 17,000 ahli PSAP menyokong ketegasan kerajaan Pahang mengenai isu penerokaan tanah haram ini. Jadi, kita minta semua pihak tidak melayan secara tekanan dan provokasi mereka yang terlibat," katanya pada Isnin.

Beliau turut berharap kerajaan akan terus konsisten dengan ketegasan berkenaan.

Jelaznya, selain PSAP, sebanyak 16 badan gabungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Pahang bersama dengan kerajaan Pahang dan anggota keselamatan dalam menjalankan tugas penguatkuasaan.

# Pertahanan tanah daripada diceroboh

MB Pahang harap tugas penguat kuasa musnah kebun haram dipermudahkan

Oleh NORAWAZNI YUSOF dan ROSILAWATI ROSEDI

KUANTAN

**P**ahang akan terus mempertahankan tanah negeri daripada dicerobohi peneroka haram, kata Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Beliau turut berharap pihak berkuasa yang menjalankan operasi memusnahkan kebun haram durian musang king di dalam Hutan Simpan Batu Talam, Raub melibatkan pelbagai agensi kerajaan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) diberikan kekuatan.

"Ya ALLAH, permudahkanlah segala urusan penguat kuasa yang akan menjalankan

tugas mereka pada hari ini (Isnin).

"Berikan mereka kekuatan agar terus dapat mempertahankan tanah Pahang daripada dicerobohi peneroka haram. Rahmatilah mereka dan lindungilah mereka," katanya dalam satu hantaran di



WAN ROSDY

Facebook beliau pada Isnin.

Kerajaan Pahang sejak 1 September tahun lalu sudah beberapa kali mengulangi pendirian untuk terus bertegas tanpa berkompromi dalam isu pekebun haram durian musang king di Raub.

Katanya, kerajaan bertindak mengikut undang-undang tubuh kerajaan dan sewajarnya pekebun patuh dengan perintah pengosongan tanah berkenaan.

"Kita berharap kerjasama dapat berikan oleh semua pihak terutamanya pekebun atau petani haram berkaitan isu penanaman durian musang king di Raub," ujarnya.

ISU PEKEBUN HARAM RAUB

